

09/05/1997

Seniman pelawa sertai majlis

Azian Adnan

PERSATUAN Seniman Malaysia (Seniman) menjemput semua pihak, terutama syarikat korporat, individu serta media membeli 150 meja bagi majlis makan malam sempena ulang tahun ke-23 persatuan itu yang akan diadakan awal Ogos ini.

Timbalan Setiausahanya, Azean Irdawaty berkata, selain menyambut ulang tahun persatuan, majlis diadakan bagi mengisi tabung membiayai aktiviti yang dirangka untuk dua tahun akan datang.

"Segala sumbangan yang diperolehi hasil jualan meja boleh menampung kos majlis dan ia juga akan digunakan bagi menjalankan aktiviti termasuk mengadakan sesi dialog karyawan tidak lama lagi," katanya ketika dihubungi Pusparia semalam.

"Kami sudah menghantar jemputan rasmi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi masih belum mendapat jawapan.

"Kami benar-benar berharap, Perdana Menteri dapat meluangkan masa bagi memeriahkan majlis yang julung kali diadakan ini," katanya.

Azean berkata, bagi memantapkan lagi majlis itu, pihaknya menjemput hampir semua artis veteran Malaysia dan Singapura.

"Kita masih kekurangan majlis untuk mengumpul semua artis veteran kita.

"Menerusi majlis begini, Seniman bercadang memberi penghormatan kepada artis veteran yang banyak menyumbang ke arah memartabatkan industri seni negara ini sejak tahun 50-an lagi," katanya.

Mengenai persembahan, Azean menjelaskan beberapa artis tempatan daripada empat zaman iaitu 60-an, 70-an, 80-an dan 90-an akan membuat persembahan menghiburkan penonton daripada karyawan dan segenap lapisan masyarakat.

"Persembahan malam itu juga akan diserikan dengan drama dan lagu menyingkap sejarah bermulanya persatuan Seniman yang diarahkan oleh Erma Fatima," katanya.

(END)